

SOALAN OBJEKTIF

1. Faedah-faedah bersukan yang boleh diperolehi oleh seseorang individu adalah
 - I memupuk perpaduan kaum
 - II saluran hobi dan riadah
 - III dapat meningkatkan tahap kesihatan
 - IV membuka peluang-peluang kerjaya dalam bidang kesukanan
 - A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
2. Dasar Sukan Negara menggariskan tiga konsep seperti di bawah **KECUALI**
 - A Sukan untuk Individu
 - B Sukan untuk Semua
 - C Sukan untuk Kecemerlangan
 - D Sukan Massa
3. Slogan yang digunakan untuk menyuntik semangat rakyat Malaysia agar lebih gigih dalam mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan ialah
 - A 'Tak Nak'
 - B 'Malaysia Boleh'
 - C 'Cintailah Sungai Kita'
 - D 'Masa Itu Emas'
4. Singakatan kepada ***Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia*** yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ialah
 - A MSSM
 - B MSSSM
 - C MSM
 - D MSNM
5. Beliau merupakan seorang atlet yang telah mengambil bahagian dalam acara jalan kaki 10km dalam SEA GAMES ke-11 pada 1978. Dalam acara tersebut, beliau berjaya meraih pingat emas. Siapakah jaguh sukan yang dimaksudkan?
 - A Watson Nyambek
 - B Rabuan Pit
 - C V. Subramaniam
 - D David Arumugam
6. Berikut merupakan kelebihan teknologi maklumat dalam bidang kesukanan **KECUALI**
 - A dapat menonton secara langsung perlawanan tertentu seperti perlumbaan kereta Formula 1.
 - B kemudahan menempah tiket untuk perlawanan atau pertandingan tertentu.

- C memberikan latihan maya dan rawatan kecederaan kepada atlet-atlet sukan.
D meluang masa dengan melayari laman web lucah.
7. Antara di bawah, yang manakah BUKAN tugas dan tanggungjawab jurulatih sukan?
A memupuk sifat positif di kalangan pemain.
B melatih dan menyediakan pemain untuk sesuatu kejohanan.
C memupuk dan melatih pemain agar memberontak jika kalah dalam sesuatu pertandingan.
D memperkembang bakat pelajar dengan strategi latihan yang sistematik dan saintifik.
8. Seseorang wartawan sukan adalah bertanggungjawab untuk ...
A merancang perlawanan bola sepak
B membayar gaji pengurus-pengurus sukan.
C membuat rencana yang kabur tentang sukan.
D membuat liputan tentang sesuatu isu dalam sukan.
9. Siapakah pelumba kereta professional pertama dari Malaysia yang berjaya bertanding dalam Formula 1?
A Akhmal Rizal
B Alex Yoong
C Nicol David
D Eric Yoong
10. Siapakah nama Menteri Belia dan Sukan?
A Dato' Seri Najib bin Razak
B Dato' Azalina binti Othman
C Dato' Hishamuddin bin Hussien
D Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi
11. Di Malaysia, terdapat 3 jenis pemain dalam bidang sukan iaitu ...
I pemain professional
II pemain semi professional
III pemain amatur
IV pemain sekolah
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C II, III dan IV
D I, II, III dan IV
12. Antara yang berikut, yang manakah dikategorikan sebagai pemain professional?
A David Beckham dan Posh Girl
B Michael Owen dan Watson Nyambek
C Michael Owen dan David Beckham
D Watson Nyambek dan Azmi Ibrahim

13. Berikut adalah tujuan Sukan Olimpik dan Sukan Komanwel diwujudkan dan diadakan **KECUALI**
- A menaikkan imej negara.
 - B merapatkan interaksi antarabangsa.
 - C membuktikan negara yang lebih kuat dan hebat.
 - D memperkenalkan budaya dan keistimewaan sesebuah negara.
14. Berikut adalah kesan-kesan pengaruh politik yang berlebihan dalam sukan **KECUALI**
- A memupuk semangat setia kawan.
 - B pertentangan idea dalam mengurus pasukan.
 - C perebutan kuasa untuk memimpin sesuatu pasukan.
 - D mewujudkan keadaan lobi-melobi dan berpuak-puak.
15. Antara cara untuk menunjukkan semangat patriotisme adalah
- A mempertahankan kedaulatan negara.
 - B melakukan vandalisme di tempat-tempat awam.
 - C bergelak ketawa ketika lagu 'Negaraku' dinyanyikan.
 - D mengutuk pasukan negara sekiranya kalah dalam perlawanan.
16. Seseorang ahli sukan perlulah mempunyai personaliti yang baik kerana ...
- A mereka adalah golongan yang glamor.
 - B mereka adalah milik dan idola masyarakat.
 - C untuk mendapat ganjaran wang yang lebih baik.
 - D untuk menunjukkan bahawa mereka adalah kuat dan hebat.
17. Dalam bidang sukan, disiplin diri adalah aspek yang penting dalam diri seseorang atlet. Antara yang perlu diamal oleh seseorang atlet adalah
- I menghormati rakan sepasukan.
 - II mematuhi arahan ketua dan jurulatih.
 - III mengikut jadual latihan yang ditetapkan.
 - IV melepaskan emosi dalam perlawanan dan pertandingan.
- A I, II dan III
 - B II, III dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
18. Amalan ini adalah dilarang dalam bidang kesukanan. Ia berpunca daripada sikap yang tidak setia, tidak jujur dan tidak amanah kepada pasukan. Amalan yang dimaksudkan adalah
- A rasuah
 - B malas
 - C kaki bangku
 - D menyebarkan fitnah

19. Beliau merupakan jaguh skuasy negara dan berjaya mengondol gelaran juara dunia skuasy remaja pada tahun 1999 dan 2001. Beliau turut berjaya memperoleh 7A dalam PMRnya. Atlet yang dimaksudkan ialah
- A Faiznur Miskin
 - B Rashid Sidek
 - C Nicol David
 - D Nicole Kidman
20. Antara kebaikan politik yang sihat di dalam bidang sukan ialah
- A perebutan jawatan tertinggi dalam sesuatu badan sukan.
 - B meningkatnya kes-kes lobi-melobi dan publisiti murahan.
 - C wujudnya pertelingkahan dan wujudnya perbezaan pendapat antara pegawai-pegawai sukan.
 - D mendapatkan sokongan rakyat dan faedah-faedah penganjuran daripada pelbagai pihak untuk sesuatu pertandingan.
21. Di bawah merupakan aktiviti yang tidak bermoral yang mengganggu keselamatan orang ramai **KECUALI**
- A penderaan
 - B pergaduhan
 - C pembuangan anak
 - D pertandingan bola sepak
22. Agensi yang terlibat dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis ialah
- A Jabatan Bekalan Air
 - B Jabatan Pendidikan Negeri
 - C Jabatan Kebajikan Masyarakat
 - D Jabatan Kemajuan Masyarakat
23. Wanita atau gadis yang dimasukkan ke dalam Taman Seri Puteri akan diberikan
- I perlindungan
 - II bimbingan kaunseling
 - III seliaan
 - IV latihan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

24. *‘Seorang lelaki didapati menjadi dalang dalam kegiatan pelacuran dan menguruskan segala pertemuan wanita dan pelanggannya. Beliau turut didapati telah memperdayakan beberapa orang gadis di bawah umur dan dikurungnya untuk tujuan pelacuran.’*

Mengikut Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, lelaki berkenaan boleh dijatuhkan hukuman ...

- A dijatuhkan hukuman mati.
- B dipenjarakan seumur hidup.
- C dibebaskan tanpa ada apa-apa perbicaraan.
- D dipenjarakan selama tempoh tidak lebih 5 tahun atau denda tidak lebih RM10,000.00 atau kedua-duanya.

25. Untuk mengelakkan diri kita dan rakan-rakan daripada terjebak dalam aktiviti yang tidak bermoral, kita perlulah ...

- A beriadah dan bersukan bersama kawan-kawan.
- B berbincang dengan kaunselor apabila ada masalah dan kemusykilan.
- C memberitahu ibu bapa atau ahli keluarga terdekat tentang aktiviti harian kita.
- D menjinakkan diri dengan disko dan arak apabila ditimpa masalah.

26. Pertolongan cemas adalah untuk ...

- A menyelamatkan dan memulihkan mangsa.
- B membantu mangsa mengambil ubat yang sepatutnya.
- C rawatan selanjutnya yang diberikan oleh pengamal perubatan yang bertauliah.
- D menunjukkan kemahiran perubatan seseorang kepada seseorang yang lain.

27. Kecederaan fraktur bermaksud
- A kecederaan retak tulang
 - B kecederaan usus besar
 - C kecederaan pundit kencing
 - D kecederaan buah pinggang
28. Kecederaan tulang dapat dikenal pasti apabila berlakunya simptom-simptom berikut **KECUALI**
- A rasa sakit pada bahagian tulang.
 - B bunyi atau geselan hujung tulang yang normal.
 - C tidak berupaya untuk mengerakkan anggota yang tercedera.
 - D berasa kebas atau hilang denyutan nadi pada anggota yang tercedera.
29. Pihak yang boleh memberikan pertolongan cemas adalah seperti berikut **KECUALI**
- A Ahli Pengakap
 - B Ahli Saint John
 - C Orang lumpuh anggota badan
 - D Ahli Persatuan Bulan Sabit Merah
30. Selepas memberikan bantuan pertolongan cemas, mangsa perlulah ...
- A dihantar ke hospital
 - B dihantar ke balai polis
 - C dihantar ke balai bomba
 - D dihantar hospital bahagia

SOALAN BETUL ATAU SALAH

Tandakan (**A**) pada kenyataan yang betul dan (**B**) pada kenyataan yang salah.

31. Bersukan dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk berinteraksi, bergembira dan mengeratkan perhubungan sosial. ()
32. Antara fungsi Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia ialah menganjurkan dan menjalankan semua aktiviti sukan sekolah samada di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. ()
33. Maklumat sukan yang diperolehi melalui internet adalah berbentuk teks, gambar-gambar, animasi dan video. ()
34. Pemain profesional ialah pemain yang bermain untuk sesuatu syarikat atau agensi tanpa menerima ganjaran gaji bulanan. ()
35. Sebagai seorang doktor dalam bidang sukan, beliau bertanggungjawab untuk melaporkan sesuatu kejohanan di dalam akhbar harian. ()
36. Atlet-atlet di peringkat sekolah adalah atlet bertaraf amatur ()
37. Kerjaya dalam sukan adalah bidang pekerjaan yang melibatkan latihan perancangan, pengurusan, pengawasan dan penilaian tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan. ()
38. Datuk Azhar Mansur dikenali ramai kerana kejayaan beliau dalam ekspedisi mendaki Gunung Everest. ()
39. Patriotisme tidak perlu disemai dan dipupuk dalam diri seseorang individu itu Semangatnya akan datang pada bila-bila masa sahaja. ()
40. Etika dalam sukan bermaksud penduan tentang tingkah laku dan nilai-nilai positif yang perlu ada pada individu yang terlibat dalam sukan. ()

JAWAPAN:

SOALAN OBJEKTIF:

- | | | | |
|-----|---|-----|---|
| 1. | D | 11. | A |
| 2. | A | 12. | C |
| 3. | B | 13. | C |
| 4. | A | 14. | A |
| 5. | C | 15. | A |
| 6. | D | 16. | A |
| 7. | C | 17. | A |
| 8. | D | 18. | A |
| 9. | B | 19. | C |
| 10. | B | 20. | D |
| 21. | D | 31. | A |
| 22. | C | 32. | A |
| 23. | D | 33. | A |
| 24. | D | 34. | B |
| 25. | D | 35. | B |
| 26. | A | 36. | A |
| 27. | A | 37. | A |
| 28. | B | 38. | B |
| 29. | C | 39. | B |
| 30. | A | 40. | A |